

Tiada pemimpin yang bebas kritikan - PM

KUALA LUMPUR 10 Mei - Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan tiada mana-mana pemimpin di negara ini bebas daripada kritikan.

Perdana Menteri berkata, rakyat bebas mengkritik pemimpin-pemimpin di negara ini jika perlu.

"Kebebasan bersuara adalah penting di dalam sesebuah demokrasi kecuali ugutan, fitnah atau penghinaan terhadap raja-raja yang memerintah.

"Mana-mana pemimpin boleh dikritik tanpa mengakibatkan terjejasnya hak rakyat untuk bersuara," katanya menerusi akaun Twitter miliknya hari ini.

Dalam status sama, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) berkata, beliau kesal mengenai tindakan pihak berkuasa menangkap seorang penggiat media sosial malam

tadi.

"Saya merasa kesal dengan tindakan menangkap penggiat media sosial tersebut," katanya.

Sementara itu, seorang pereka grafik Mohd. Fahmi Reza Mohd. Zarin memberitahu, Ketua Pengerang *Neon Berapi*, Firdaus Abdillah Hamzah telah ditahan di Balai Polis Tampoi, Johor semalam.

Menurut Mohd. Fahmi Reza, kerajaan PH sepatutnya tidak mengikut perangai buruk kerajaan lama yang menggunakan undang-undang untuk menyekat pengguna media sosial.

"Selepas setahun berkuasa, kerajaan baharu sepatutnya jangan ikut perangai buruk rejim



DR. MAHATHIR

lama yang suka gunakan undang-undang untuk sekat pengguna media sosial, dan suka tahan orang sebab 'sakitkan hati' orang lain dalam Twitter.

"Kemungkinan besar ditahan bawah #AktaSakitHati sebab satu tweet pasal anak raja," katanya dalam

status akaun Facebook miliknya hari ini.

Pada Oktober tahun lalu, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur membebaskan Mohd. Fahmi Reza daripada dakwaan memuat naik gambar menyerupai bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam akaun Instagram miliknya bertujuan menyakiti hati orang lain, dua tahun lalu.